



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : SEKOLAH DAN UNIVERSITI, SINERGI STRATEGIK LAHIRKAN PEMIMPIN BERSAHSAH

SUMBER : BERNAMA - 30 JUN 2026

Sekolah Dan Universiti, Sinergi Strategik Lahirkan Pemimpin Bersahsiah



30/06/2026 09:56 AM

Pendapat mengenai pelbagai isu semasa daripada peneraju pemikiran, kolumnis dan pengarang.

Oleh Dr Ahmad Faris Naqiyuddin Mohd Ghazi dan Dr Aizathul Hani Abd Hamid



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : NFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : SEKOLAH DAN UNIVERSITI, SINERGI STRATEGIK LAHIRKAN PEMIMPIN BERSAHSAH

SUMBER : BERNAMA - 30 JUN 2026

Dalam landskap pendidikan negara yang semakin mencabar, usaha melahirkan generasi pemimpin masa hadapan tidak boleh hanya bergantung kepada pencapaian akademik semata-mata. Pendidikan hari ini perlu bergerak melampaui bilik darjah dengan memberi perhatian yang seimbang kepada pembentukan sahsiah, kepimpinan, daya fikir, kesejahteraan emosi dan tanggungjawab sosial.

Justeru, kerjasama antara sekolah dan universiti menjadi semakin penting sebagai jambatan strategik dalam membentuk generasi muda yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga berakhlak, berdaya tahan dan mampu memimpin masyarakat secara berhemah.

Pendidikan holistik berteraskan JERI

Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah lama menegaskan bahawa pendidikan di Malaysia bertujuan melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Empat dimensi ini, yang sering dirujuk sebagai JERI, memberikan asas yang kukuh dalam memahami makna sebenar pendidikan.

Pendidikan bukan sekadar proses memindahkan pengetahuan, tetapi satu usaha berterusan untuk membina manusia yang tahu berfikir, mampu mengurus emosi, mempunyai kekuatan nilai, serta bersedia menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : SEKOLAH DAN UNIVERSITI, SINERGI STRATEGIK LAHIRKAN PEMIMPIN BERSAHSAH

SUMBER : BERNAMA - 30 JUN 2026

Dalam konteks ini, sekolah memainkan peranan penting sebagai institusi awal pembentukan watak. Di sinilah murid mula belajar tentang disiplin, hormat-menghormati, tanggungjawab, kerjasama dan kepimpinan asas. Namun, sekolah tidak seharusnya dibiarkan bergerak sendirian.

Universiti pula mempunyai kelebihan dari sudut kepakaran akademik, penyelidikan, jaringan komuniti dan pengalaman pembangunan pelajar. Apabila kedua-dua institusi ini bergabung, proses pendidikan menjadi lebih hidup, bermakna dan dekat dengan realiti kehidupan.

Keadaan ini selaras dengan peranan kedua-dua institusi iaitu sekolah dan universiti yang merupakan struktur terpenting dalam membekalkan modal sosial penting kepada pelajar.

Kerjasama sekolah dan universiti ini seterusnya memperkukuh pembentukan modal sosial rapat melalui hubungan yang lebih erat, pengukuhan kepercayaan dan nilai bersama komuniti di luar sekolah, di samping memperluas modal sosial jaringan apabila pelajar didedahkan kepada jaringan luar dari institusi merentasi sempadan sekolah, sekali gus membuka ruang kepada perkongsian sumber, peluang dan pengalaman yang lebih pelbagai.

Sinerji sekolah dan universiti dalam pembentukan sahsiah

Kerjasama sekolah dan universiti boleh diterjemahkan melalui pelbagai bentuk seperti program pemindahan ilmu, bimbingan kepimpinan, aktiviti sahsiah, pembelajaran berasaskan komuniti, projek inovasi, serta pendedahan kepada bidang sains, teknologi, seni dan keusahawanan.

Aktiviti seperti ini memberi peluang kepada murid untuk belajar melalui pengalaman, bukan hanya melalui teori.

Mereka belajar bagaimana membuat keputusan, menyelesaikan masalah, bekerja dalam kumpulan, berkomunikasi dengan yakin dan memahami tanggungjawab sebagai ahli masyarakat.

Keperluan ini semakin mendesak apabila generasi muda hari ini berdepan dengan cabaran yang jauh berbeza berbanding generasi terdahulu.

Mereka membesar dalam dunia digital yang pantas, terbuka dan kadangkala menekan. Media sosial, budaya perbandingan, krisis keyakinan diri, tekanan akademik dan pengaruh persekitaran menjadikan proses pembentukan diri lebih kompleks.

Dalam keadaan ini, pendidikan yang hanya menekankan kecemerlangan peperiksaan tidak lagi mencukupi. Generasi masa kini perlu dibantu untuk mengenal potensi diri, mengurus tekanan, membina ketahanan emosi dan memahami nilai kepimpinan yang berasaskan integriti.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : SEKOLAH DAN UNIVERSITI, SINERGI STRATEGIK LAHIRKAN PEMIMPIN BERSAHSAH

SUMBER : BERNAMA - 30 JUN 2026

Di sinilah aspek emosi dan rohani dalam JERI perlu diberi perhatian serius. Seorang pemimpin muda tidak hanya perlu petah berkata-kata atau bijak merancang, tetapi juga perlu mempunyai empati, kesabaran, amanah dan keupayaan memahami orang lain.

Kepimpinan tanpa sahsiah boleh membawa kepada penyalahgunaan kuasa, manakala kepintaran tanpa nilai boleh menjauhkan seseorang daripada tanggungjawab moral.

Oleh itu, pembentukan pemimpin bersahsia perlu bermula sejak di bangku sekolah melalui pendekatan yang konsisten, praktikal dan dekat dengan kehidupan murid.

Universiti pula boleh membantu memperkukuh usaha ini dengan membawa masuk perspektif yang lebih luas.

Kehadiran pensyarah, mahasiswa dan fasilitator universiti dalam program bersama sekolah dapat membuka ruang inspirasi kepada murid. Mereka melihat contoh nyata bahawa pendidikan tinggi bukan sesuatu yang jauh daripada kehidupan mereka.

Pada masa yang sama, mahasiswa universiti turut belajar memahami masyarakat, mengasah kemahiran komunikasi dan membina rasa tanggungjawab sosial. Hubungan dua hala ini menjadikan pendidikan lebih manusiawi kerana kedua-dua pihak saling belajar dan saling memperkaya pengalaman.

Kepimpinan muda bersahsia: Mencapai matlamat pembangunan mampan

Dari sudut pembangunan negara, usaha ini juga selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan atau Sustainable Development Goals (SDG). SDG 4, iaitu Pendidikan Berkualiti - menekankan keperluan menyediakan pendidikan yang inklusif, saksama dan menyeluruh.

Pendidikan berkualiti bukan hanya bermaksud kemudahan pembelajaran yang baik, tetapi juga kandungan pendidikan yang mampu membentuk manusia yang berfikiran kritis, kreatif dan beretika.

Kerjasama sekolah dan universiti dapat memperluas akses kepada pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna, khususnya kepada murid yang memerlukan pendedahan tambahan di luar silibus formal.

Selain itu, pembentukan sahsiah dan kesejahteraan murid turut berkait dengan SDG 3, iaitu Kesihatan dan Kesejahteraan. Kesejahteraan mental dan emosi generasi muda perlu dilihat sebagai sebahagian daripada agenda pendidikan, bukan isu sampingan.

Aktiviti yang membina keyakinan diri, kemahiran sosial, pengurusan emosi dan hubungan positif dengan rakan sebaya boleh membantu murid membesar sebagai individu yang lebih stabil dan seimbang. Dalam jangka panjang, hal ini menyumbang kepada pembentukan komuniti sekolah yang lebih sihat dan harmoni.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : SEKOLAH DAN UNIVERSITI, SINERGI STRATEGIK LAHIRKAN PEMIMPIN BERSAHSAH

SUMBER : BERNAMA - 30 JUN 2026

Pada masa yang sama, usaha melahirkan pemimpin bersahsiah juga mempunyai hubungan langsung dengan SDG 16, iaitu Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh. Masyarakat yang aman dan institusi yang berintegriti tidak terbina secara tiba-tiba.

Ia bermula dengan pendidikan nilai sejak awal. Apabila murid dididik untuk berlaku adil, menghormati perbezaan, bertanggungjawab dan menolak budaya mementingkan diri, mereka sedang dipersiapkan untuk menjadi warga yang mampu menyumbang kepada kestabilan sosial pada masa hadapan.

Kesimpulannya, sekolah dan universiti perlu dilihat sebagai rakan strategik dalam membentuk pemimpin masa depan. Sekolah menyediakan asas pendidikan dan pembentukan nilai, manakala universiti memperluas pengalaman, kepakaran dan jaringan pembelajaran.

Apabila kedua-duanya bergerak bersama, pendidikan tidak lagi terhad kepada pencapaian akademik, tetapi menjadi medan membina manusia yang seimbang, matang dan berjiwa besar. Generasi muda hari ini tidak hanya memerlukan ilmu untuk berjaya, tetapi juga nilai untuk memimpin. Mereka perlu dibimbing agar menjadi insan yang cerdas akal, tenang emosi, kuat rohani dan sihat jasmani.

Inilah roh sebenar Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dalam dunia yang semakin mencabar, negara memerlukan pemimpin yang bukan sahaja mampu berdiri di hadapan, tetapi juga tahu membawa orang lain bersama dengan hikmah, amanah dan kasih terhadap masyarakat.

-- BERNAMA